

Jelajah Pustaka Borneo eratkan hubungan antara universiti

UB 23/01/2015

**KOTA KINABALU:**

Seramai 35 mahasiswa-mahasiswa daripada pelbagai universiti sekitar Malaysia (UIA, UPM, MSU, UKM, UM, USIM) yang juga sukarelawan bagi Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) dan ahli Kelab Rakan Pustaka Universiti Malaysia Sabah (KRP UMS) menjayakan program 'Jelajah Pustaka Borneo' baru-baru ini.

Program lawatan sambil belajar ke dua buah perpustakaan terkemuka di Kota Kinabalu, melibatkan aktiviti lawatan ke Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Tanjung Aru.

Program ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan mengenai fasiliti dan ruang-ruang khas yang disediakan oleh perpustakaan-perpustakaan selain menyimpulkan kerjasama antara YDKMM, KRP UMS dan kedua-dua perpustakaan dari segi aktiviti-aktiviti ke hadapan dan seterusnya.

Program ini bermula



CENDERAHATI: Penyampaian cenderahati kepada wakil Pustakawan Perpustakaan Negeri Sabah oleh Presiden Kelab Rakan Pustaka UMS Zulhisham Faridzuan.

daripada Le Tour Perpustakaan UMS iaitu lawatan ke tiga buang bilik khas seperti American Corner, Noble Prize Laureate, dan Bilik ASEANA yang mengumpulkan hasil karya para bekas Perdana Menteri Malaysia.

Seterusnya dilanjutkan aktiviti Le Tour Tanjung Aru Sabah State Library Branch di mana perpustakaan ini merupakan perpustakaan yang baru dibuka dan menyediakan fasiliti-fasiliti seperti ruangan kanak-kanak, remaja, dewasa, bilik musik, bilik Maker Petrosains dan pel-

bagai lagi.

"Sangat best dapat lihat dan experience berada di Perpustakaan UMS, ada pelbagai bilik-bilik khas seperti American Corner yang terdapat 3D Printer untuk para pelajar yang di universiti kami tiada lagi," kata Quratul Ain mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

"Kami amat bertuah menerima tetamu pelawat daripada wakil mahasiswa/i sekitar Malaysia berserta Kelab Rakan Pustaka UMS yang bersama-sama menjayakan program ini," kata Tiffany, wakil Pustakawan

Perpustakaan Negeri Sabah Tanjung Aru.

Program 'Jelajah Pustaka Borneo' ini kali pertama dianjurkan dan kami berharap agar tetap diteruskan lagi di perpustakaan-perpustakaan lain termasuklah di luar negara.

Matlamat KRP UMS adalah untuk meneroka dan melawat perpustakaan seperti di University of Oxford, University of Harvard, University of Sheffield di United Kingdom bagi meluaskan lagi hubungan antara Library Friends Club di perpustakaan-perpustakaan luar negara.



ANTARA TARIKAN: Mahasiswa bergambar di American Corner, Perpustakaan UMS yang menjadi tarikan di sana.



LAWAT PERPUSTAKAAN UMS: Mahasiswa dan mahasiswai yang terdiri daripada universiti UIA, UKM, UPM, MSU, UM, USIM dan Kelab Rakan Pustaka UMS melawat ke Perpustakaan UMS.